

# Pengganas: Kita minta maklumat Singapura

UMI 14 JAN 2002

LANGKAWI 13 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan mendapatkan maklumat dari Singapura berhubung kumpulan militan yang beroperasi di republik itu dan mempunyai rangkaian kumpulan ekstrem di negara ini.

Kata Perdana Menteri, pihak polis akan menjalankan siasatan berhubung perkara

tersebut dan mendapatkan maklumat lanjut mengenainya.

"Maklumat lain itu saya tidak tahu, itu urusan dengan polis bukan saya," katanya kepada pemberita selepas melawat beberapa projek pembangunan di sini hari ini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan akhbar semalam mengenai kumpulan militan yang ditangkap oleh pihak berkuasa Singapura kerana disyaki pengganas bulan lepas apabila cuba mendapatkan 21 tan bahan letupan untuk membina bom trak dan telah membuat intipan ke atas kepentingan dan Kedutaan Amerika serta pejabat Kementerian Pertahanan Singapura.

Mendedahkan butir-butir penangkapan itu petang semalam, kerajaan Singapura berkata, anggota kumpulan itu yang mempunyai kaitan dengan kumpulan rahsia Jemaah Islamiah (JI), diminta mendapattkai 17 tan lagi ammonium nitrat kerana mereka telah pun mempunyai empat tan bahan itu di Malaysia yang disimpan oleh anggotanya, Faiz Abu Fahana yang turut ditahan di Singapura.

Faiz, 36, rakyat Malaysia yang berasal dari Singapura dan adiknya, Fathi, 36, adalah antara 15 orang yang ditangkap antara 9 dan 24 Disember lalu di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana kegiatan berkaitan keganasan.

Ketika ditanya mengenai kes seorang pelajar sekolah di Besut yang ditahan Khamis lalu kerana didapati memiliki tiga bahan peledak bersama sehiji peluru 9MM, kata Perdana Menteri, tindakan pelajar berkenaan mungkin kerana ada pihak yang mengajar mereka bertindak ganas.

"Saya tidak tahu apa jadi sampai penuntut pun nampak ganas... ini kerana ada orang ajar supaya jadi ganas.

"Ini bukan budaya kita, kita bukan bangsa yang ganas tetapi ada orang yang berminat hendak bawa budaya asing, keganasan ke negara kita," katanya.

Pelajar terbabit ditahan kerana membawa bahan peledak serta peluru ke sekolah.

Bahan-bahan yang dibawa itu telah ditinggalkan oleh bapa saudaranya, seorang askar di rumah datuknya di Besut.

Menurut Ketua Polis Daerah Besut Supritendan Mashuri Zainal, siasatan awal mendapati pelajar berkenaan membawa bahan tersebut ke sekolah untuk berseronok semata-mata.